

KERAJAAN MALAYSIA
MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL

KENYATAAN TAWARAN

No. Sebutharga	Keterangan	Gred/Kategori/ Pengkhususan	Harga Dokumen	Tarikh Tutup Sebutharga
MPJL SH/E1/2020	Menaiktaraf Sistem Pencahayaannya Di Taman Industri Bahau, Majlis Perbandaran Jempol Negeri Sembilan Darul Khusus Fasa 2	<u>Gred G1 - Gred G3</u> (Bumiputera) <u>Kategori</u> ME-Mekanikal dan Elektrik <u>Pengkhususan</u> E04-Pemasangan Voltan Rendah E06-Sistem Pencahayaannya Khas E11-Kerja Am Elektrik Sijil Suruhanjaya Tenaga Kelas C atau D	30.00	25/03/2020 (Rabu)
MPJL SH/E2/2020	Menaiktaraf Sistem Pencahayaannya Di Taman Industri Mahsan, Majlis Perbandaran Jempol Negeri Sembilan Darul Khusus Fasa 2	<u>Gred G1 - Gred G3</u> (Bumiputera) <u>Kategori</u> ME-Mekanikal dan Elektrik <u>Pengkhususan</u> E04-Pemasangan Voltan Rendah E06-Sistem Pencahayaannya Khas E11-Kerja Am Elektrik Sijil Suruhanjaya Tenaga Kelas C atau D	30.00	25/03/2020 (Rabu)

Dokumen sebutharga boleh disemak dan diperolehi dari Bahagian Jabatan Kejuruteraan Pejabat Majlis Perbandaran Jempol mulai dari **19 Mac 2020 (Khamis)**. Dokumen sebutharga tidak akan dijual sebelum daripada tarikh di atas dan sehari (1 hari) sebelum tarikh tutup sebutharga seperti ternyata.

Bayaran harga dokumen dalam bentuk wang tunai atau money order atau bank draf hendaklah atas nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Jempol** dan hendaklah dijelaskan di kaunter Majlis Perbandaran Jempol pada waktu pejabat. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah.

Lawatan Tapak akan diadakan pada **18 Mac 2020 (Rabu)** pada jam **10.00 pagi** dan **pemborong perlu hadir sendiri bersama dokumen-dokumen asal**. Pemborong yang berminat untuk menyertai sebutharga ini hendaklah berkumpul di perkarangan **Majlis Perbandaran Jempol** sebelum **9.00 pagi** untuk pendaftaran. **Pendaftaran di tapak adalah tidak dibenarkan**.

Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUTHARGA** di Pejabat Majlis Perbandaran Jempol sebelum pukul **12.00 t/hari** pada **25 Mac 2020 (Rabu)**.

Pemborong yang tidak menghadiri lawatan tapak, secara automatik tidak akan dikeluarkan borang kepada yang berkenaan. Pemborong dikehendaki membawa "surat-surat pendaftaran asal" beserta salinan-salinannya ketika membeli Dokumen Sebutharga.


Majlis Perbandaran Jempol tidak akan terikat menerima tawaran yang terendah atau sebagainya atau memberikan apa-apa sebab sesuatu sebutharga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung dengan sebutharga ini .

SYARAT-SYARAT SEMASA MENGHADIRI LAWATAN TAPAK

1. Pemborong adalah daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan boleh menjalankan kerja-kerja di sekitar Daerah Jempol.
2. **Pemborong yang hadir dalam lawatan tersebut adalah tidak dibenarkan mewakili syarikat lain walaupun mempunyai surat pengesahan wakil lawatan tapak .**
3. Pemborong dikehendaki membawa bersekali sijil-sijil asal PPK dan CIDB semasa lawatan tapak.
4. Pemborong dikehendaki berkumpul terlebih dahulu di perkarangan Pejabat Majlis Perbandaran Jempol sebelum memulakan lawatan tapak.

5. Pemborong adalah daripada kontraktor bumiputera G1 hingga G3 yang **berdaftar dengan Majlis Perbandaran Jempol pada tahun 2020** dan pendaftaran masih sah atau telah memperbaharui pendaftaran.
6. Pendaftaran untuk menyertai lawatan tapak selepas jam 10.00 pagi tidak akan dilayan kecuali dengan sebab-sebab munasabah.
7. Kontraktor yang baru mendaftar dan memperbaharui pendaftaran pada hari lawatan tapak, tidak dibenarkan untuk menyertai lawatan tapak pada hari tersebut dan tidak dibenarkan untuk membeli borang sebutharga.

Tarikh Pengiklanan
16 Mac 2020



.....
(ROSTAM BIN OMAR)

Jurutera

b.p. Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Jempol.